

B. Melayu: Pakej asah kemahiran interaksi lisan murid sekolah rendah diperkenal

oleh

ADLI YASHIR
KUCHIT

adli@sph.com.sg

PUSAT Bahasa Melayu Singapura (MLCS) telah memperkenalkan sebuah pakej pembelajaran bagi murid-murid peringkat sekolah rendah bagi mengasah kemahiran interaksi lisan.

Mengumumkan demikian semalam, Menteri Negara Pembangunan Masyarakat Belia dan Sukan, Cik Halimah Yacob, berkata bahan pengajaran yang menarik dan bermutu penting bagi memastikan pembelajaran bahasa Melayu yang berkesan.

“Lebih-lebih lagi dalam era teknologi maklumat di mana para pelajar kita terdedah kepada pelbagai bahan yang berbentuk audio dan visual,” ujar Cik Halimah.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di Ceramah Arif Budiman ke-7 di Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan di Bishan semalam.

Cik Halimah berkata, pemerintah telah menekankan peri pentingnya rakyat Singapura menguasai dua bahasa dalam sistem dwibahasa di negara ini.

“Bahasa Inggeris penting bagi rakyat Singapura berkomunikasi dengan warga jagat manakala bahasa ibunda khususnya bahasa Melayu bagi diri kita, penting bagi penerapan nilai, pemupukan akhlak dan pelestarian budaya,” kata Cik Halimah.

Pakej Interaktif Lisan yang diedarkan kepada para guru sekolah rendah semalam dikhususkan bagi murid-murid darjah satu dan dua. Ia mengandungi

24 klip video, panduan guru dan kertas kegiatan serta penilaian yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran interaksi lisan.

“Melalui video ini, murid-murid bukan sahaja belajar cara berkomunikasi bahkan mereka belajar cara yang sopan untuk bertanyakan sesuatu, menjawab pertanyaan dan cara untuk mengadakan perbincangan dengan tertib dan beradab,” katanya.

Sementara itu, menurut Guru Pakar MLCS, Dr Fadilah Isnin, pihaknya mengambil keputusan menyediakan pakej interaktif lisan untuk murid-murid di peringkat tersebut kerana ingin mengasah kemahiran mereka sejak awal lagi.

MLCS mula menghasilkan pakej pembelajaran sejak Julai tahun lalu.

“Usaha ini lahir menyusuli dapatan dari semakan pendidikan bahasa Melayu yang dilaksanakan pada 2010.

“Antara dapatan itu ialah perlunya mempertingkatkan kemahiran lisan dua hala di kalangan pelajar Melayu setempat,” kata Dr Fadilah.

Lebih 330 peserta terdiri daripada guru, pelajar dan penggiat bahasa Melayu hadir untuk mendengar ceramah bahasa yang disampaikan oleh Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka Negeri Brunei Darussalam, Dayang Hajah Amimah Haji Momin.

Ceramah yang disampaikan Dayang Hajah Aminah antara lain menyentuh pengalaman penggunaan bahasa Melayu di Brunei serta usaha Dewan Bahasa dan Pustaka melestarikan penggunaan bahasa Melayu.